



KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
(MINISTRY OF LOCAL GOVERNMENT AND HOUSING)

Tingkat 4 - 6, 10, 11, 15 - 18, Wisma Innoprise,
Jalan Sulaman, Teluk Likas,
88817 Kota Kinabalu, Sabah.
Telefon: 088-328000 Faks: 088-383172/430541
Laman Web: www.sabah.gov.my/mlgh



Rujukan:

KKT&P: 100-4/5/1 (55)

Tarikh: 13 April 2021

Presiden,
Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden,
Majlis Perbandaran Tawau

Pegawai Eksekutif
Lembaga Bandaran Kudat

Semua Pegawai Eksekutif,
Majlis Daerah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL. 1/2021
PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN (ASP) BAGI TAHUN KEWANGAN
2021**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar mengambil perhatian yang serius terhadap keadah permohonan ASP bagi Tahun Kewangan 2021.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Untuk makluman semua, permohonan Peruntukan Tambahan (ASP) adalah bertujuan untuk menampung perbelanjaan tambahan yang mana telah melebihi Anggaran Tahun yang diluluskan bagi Tahun Kewangan yang **SAMA**.
- 2.2 Pada masa ini, adalah diperhatikan masih terdapat beberapa PBT yang mengemukakan permohonan ASP bagi Tahun Kewangan terdahulu untuk menyelaraskan Perbelanjaan yang telah melebihi Peruntukan Tahunan yang diluluskan. Amalan seperti ini amatlah tidak digalakkan dan telah bercanggah dengan **FILAS (30)** yang mana dengan jelasnya memperuntukan bahawa perbelanjaan yang dilakukan **TIDAK BOLEH** melebihi Anggaran Tahunan yang diluluskan.

.../2-

“SABAH MAJU JAYA”

2.3 Adalah menjadi tanggungjawab setiap PBT untuk memantau, mengawal dan memastikan Perbelanjaan bagi setiap Vot di bawah kawalan Tuan/Puan tidak lebih dibelanja (Overspent) selaras dengan **FILAS (30)**.

3. KAEDAH PENGUATKUASAAN

- 3.1. Semua Permohonan ASP di mana tambahan tersebut tidak dapat ditampung dengan cara Pindahan Peruntukan (Virement), perlu dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk kelulusan.
- 3.2. Semua permohonan ASP hendaklah dikemukakan dalam **4 salinan** dengan menggunakan Borang '**Application for Supplementary Provision**' seperti dalam **FILAS Appendix B**.
- 3.3. **FILAS Chapter II para 25 sehingga 31** mestilah dipatuhi bagi semua permohonan ASP.
- 3.4. Semua permohonan ASP bagi Tahun Kewangan sebelum 2021 **TIDAK** akan dipertimbangkan untuk kelulusan.
- 3.5. Semua permohonan ASP bagi Tahun Kewangan 2021 mesti dikemukakan dan disampaikan ke pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan **PADA atau SEBELUM 30 Ogos 2021**. Permohonan yang lewat diterima **TIDAK** akan di pertimbangkan.
- 3.6. Semua permohonan ASP yang diterima dalam Tahun Kewangan 2021 bagi sesuatu Vot Perbelanjaan **MESTILAH** untuk menampung tambahan perbelanjaan Tahun 2021 **SAHAJA**.

4. TARIKH KUATKUASA

Surat ini berkuatkuasa dengan **SERTA MERTA**

.../3-

“SABAH MAJU JAYA”

KKT&P: 100-4/5/1 ()
13 April 2021


- 3 -

5. **PENUTUP**

Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan Pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Bahagian Akaun, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan untuk mendapat makluman dan penjelasan lanjut.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA



(**MANSUR BIN ASUN**)
Setiausaha Tetap

NPP/HH/ry13042021



“SABAH MAJU JAYA”